



Seni silat sentiasa menarik perhatian ramai apabila ia dipertunjukkan

pan diadakan di Jerman Barat, diikuti di Malaysia pada tahun 1987 dan di Singapura pada tahun 1988.

Memandangkan kesungguhan dan kegigihan bangsa-bangsa Eropah terhadap ilmu persilatan Melayu, wakil IPSI, Persisi dan Pesaka sebagai anggotanya, mulai bimbang arah haluan dan kecondongan dunia persilatan Melayu pada masa kini dan akan datang.

Mereka nampaknya tidak rela paksi dunia persilatan Melayu turut berubah ke benua Eropah atau Amerika Syarikat sebagaimana yang terjadi dengan seni membela diri bangsa Jepun dan Korea. Pada masa ini, kenyataan bahawa karate dan taekwon-do lebih popular dan lebih maju di dunia Barat daripada di Jepun dan Korea sendiri sudah terbukti dan tidak dapat dinafikan lagi.

Menyedari hakikat ini, perwakilan sebilat suara mengambil keputusan supaya perlembagaan Persilat yang dimaktubkan pada tahun 1980 itu diubahsuai.

Antara fasal yang

paling penting dipinda dalam perlembagaan itu ialah Sidang Anggota Pendiiri (IPSI, Persis dan Pesaka) mempunyai kuasa mutlak dan tertinggi untuk:

- Meninjau kembali perlembagaan Persilat apabila ada usul mengenyainya.

- Menerima atau menolak permohonan anggota baru — sama ada Anggota Pendiiri, Anggota Gabungan dan Anggota Bersekutu.

- Mengusul dan memilih Lembaga Pengurusan Persilat bagi setiap penggal.

Kuasa

- Memberi kata pe- mutus dalam hal-hal yang tidak dapat diputuskan oleh Sidang Umum Persilat.

Fasal-fasal di atas memang wajar sekali dimaktubkan dalam perlembagaan Persilat demi menjaga maruah dan martabat bangsa Melayu. Kita mahu sehingga ke akhir zaman, Indonesia, Singapura dan Malaysia tetap menjadi 'kiblat' dunia persilatan Melayu. Jangan hendaknya terjadi se-

bagaimana nasib dunia kesusasteraan Melayu pada hari ini, di mana bangsa-bangsa Melayu pula terpaksa berguru kepada bangsa-bangsa Eropah seperti Inggeris dan Belanda apabila hendak mendalami kesusasteraan Melayu.

Justeru itu, kita harus berwaspada kerana kemungkinan pi- sang akan berbuah dua kali. Berdasarkan kepada pemerhatian dan penyelidikan yang sempat dilakukan, penulis terpaksa mengingatkan bahawa ilmu persilatan Melayu di rantau Kepulauan Melayu am- nya, dan di Malaysia khususnya, sangat membimbangkan se- kiranya pihak-pihak tertentu seperti peme- rintah dan pecinta seni Melayu, tidak se- gera bertindak tegas.

Dewasa ini, anak muda kita lebih ber- minat dengan seni membela diri yang di- datangkan dari luar seperti karate dan taekwon-do. Malah mer- eka berpendapat ke- dua-dua seni itu lebih bermutu dan berfae- litan Melayu.

dah untuk dipelajari daripada seni silat Melayu.

Mereka juga lebih rela menumpukan masa dan men- curahkan wang seber- apa yang termampu terhadap karate atau taekwon-do tetapi ti- dak kepada seni silat Melayu. Lebih mendu- kacitakan lagi, ada se- gelintir media massa tanah air yang lebih mengutamakan berita mengenai karate dan taekwon-do, sedang- kan berita-berita men- genai Seni Silat Me- layu tidak diberikan keutamaan sehingg- a setengah-seteng- ah orang Melayu hampir terlupa den- gan kewujudan seni si- latnya sendiri.

Untuk menyelamat- kan ilmu persilatan Melayu supaya jangan terjatuh ke bangsa asing dan sete- rusnya mereka pula menjadi guru-guru si-